

KENYATAAN MEDIA  
7 OGOS 2023

**Suruhanjaya Tenaga**  
(Energy Commission)  
No. 12, Jalan Tun Hussein,  
Precinct 2,  
62100 Putrajaya,  
Malaysia.  
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637  
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

## Langganan Program *Green Electricity Tariff* (GET) Akan Dibuka Pada 11 Ogos 2023

**Putrajaya, 7 Ogos 2023** – Suruhanjaya Tenaga (ST) ingin memaklumkan bahawa permohonan bagi kuota langganan baharu di bawah program Tarif Elektrik Hijau (*Green Electricity Tariff* - GET) akan mula dibuka semula pada **11 Ogos 2023 dari jam 11.00 pagi hingga 5.00 petang**. Program GET merupakan solusi berasaskan langganan untuk pengguna mesra alam dan organisasi dengan matlamat Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (*Environmental, Social and Governance* - ESG) bagi mendapatkan bekalan elektrik daripada sumber tenaga boleh baharu (TBB) untuk kediaman dan perniagaan mereka.

Pengguna yang melanggan kepada Program GET tidak akan dikenakan caj *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) bagi jumlah penggunaan elektrik daripada sumber TBB (terhad kepada blok GET yang dilanggan). Selain itu, pengguna program ini juga akan mendapat pengiktirafan peringkat antarabangsa melalui Sijil Tenaga Boleh Baharu Malaysia (*Malaysia Renewable Energy Certificate* - mREC) yang akan dianugerahkan pada penghujung tahun kalendar bagi mengiktiraf jumlah penggunaan tenaga elektrik daripada sumber TBB di sepanjang tempoh langganan.

Satu sesi taklimat oleh ST berkenaan program GET ini akan diadakan secara hibrid pada 8 Ogos 2023 mulai jam 9.30 pagi. Pihak syarikat yang berminat mengetahui secara mendalam mengenai program ini dipelawa untuk menghadiri sesi ini secara dalam talian melalui pautan <http://tiny.cc/GETbriefing>.

Untuk maklumat lanjut berkenaan program ini, sila layari [www.tnb.com.my/get](http://www.tnb.com.my/get) atau hubungi TNB Careline di talian 1-300-88-5454 / emel ke [tnbcareline@tnb.com.my](mailto:tnbcareline@tnb.com.my). Layari

---

### MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

laman sesawang rasmi ST ([www.st.gov.my](http://www.st.gov.my)) untuk mendapatkan panduan terkini bagi program ini. Sebarang pertanyaan juga boleh diemelkan kepada emel [get@st.gov.my](mailto:get@st.gov.my).

**\*\*\*TAMAT\*\*\***

***Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:***

*Veliana Ruslan/Hazwani Ghazali/Muhammad Harith Safruddin*

*Unit Promosi dan Hubungan Luar*

*Tel: 03-8870 8753/019-2131978 (Veliana) / 011 28866271 (Hazwani) / 018 3822545 (Harith)*

*Emel: [veliana@st.gov.my](mailto:veliana@st.gov.my) / [noorhazwani@st.gov.my](mailto:noorhazwani@st.gov.my) / [harith@st.gov.my](mailto:harith@st.gov.my)*

---

**MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.